

24 FEB 2000

NITC-PENGETAHUAN

PENGETAHUAN, SUMBER PENTING DALAM RANGKA KERJA BARU EKONOMI

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Rangka kerja baru ekonomi, di mana ilmu pengetahuan kian diiktirafkan sebagai sumber penting dalam pertumbuhan ekonomi, penentu kekayaan dan asas kepada daya saing, telah dibincangkan hari ini pada mesyuarat ke-sembilan yang dianjurkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC).

Mereka yang hadir termasuklah 21 anggota majlis NITC dan beberapa pakar industri.

Dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anggota-anggota majlis membincangkan isu-isu berkaitan cabaran dan saingan ekoran peralihan negara ke arah K-ekonomi, khususnya bagaimana untuk memupuk pengetahuan bagi meningkatkan rangkaian nilai dan membantu Malaysia mencapai wawasan menjadi masyarakat yang kaya dengan maklumat dan nilai-nilai murni menjelang tahun 2020.

Mesyuarat itu turut meletakkan Koridor Raya Multimedia dan Agenda IT Kebangsaan (NITA) sebagai permulaan yang berjaya bagi mendorong dan membangunkan rangka kerja yang bermutu dalam membantu peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpengetahuan.

Dalam satu kenyataan, NITC berkata Malaysia mempunyai peluang luas memperkukuhkan kedudukan memandangkan K-ekonomi baru sahaja muncul dan proses peralihannya mungkin tidak berapa licin.

Mesyuarat itu turut membincangkan strategi baru bagi membolehkan ekonomi Malaysia merapati wawasannya memperkembangkan ilmu pengetahuan sebagai komoditi yang boleh ditukar dan digunakan dalam mengujudkan nilai-nilai baru.

Memandangkan perkhidmatan dan produk berasaskan pengetahuan merupakan penggerak utama kepada perdagangan, pengetahuan secara sendirinya akan muncul sebagai matawang baru bagi ekonomi Malaysia.

Pada mesyuarat hari ini, NITC juga telah mengumumkan kemasukan dua ahli baru iaitu Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Datuk Paul Low, naib presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia.

Mesyuarat NITC yang ke-10 akan diadakan di Kuching, Sarawak.

-- BERNAMA

SHO AA/OS